

Kesedaran menabung masih rendah

MENABUNG merupakan satu amalan proaktif berpaksikan kesedaran seseorang dalam membuat persediaan bagi menjamin masa depan yang lebih cerah.

Selain itu, terdapat individu yang menabung untuk tujuan awasan iaitu sebagai persediaan ketika berlaku kejadian tidak diingini seperti kemalangan dan sakit.

Pada zaman dahulu, tabungan dilakukan secara konvensional iaitu menyimpan wang di rumah sama ada di bawah bantal mahupun almari.

Sebaliknya kini, menyimpan wang menjadi lebih mudah selepas wujudnya pelbagai institusi penyimpanan seperti bank dan amanah saham.



MOHD. AZLAN

Pensyarah Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Madya Dr. Mohd. Azlan Shah Zaidi berkata, jumlah

simpanan seseorang itu bergantung kepada jumlah pendapatan bersih.

Jelasnya, semakin besar pendapatan seseorang itu, maka potensi untuk individu tersebut menyimpan wang lebih tinggi.

"Secara teorinya, orang kaya dapat menabung lebih banyak kerana terdapat lebihan yang besar dalam pendapatan mereka.

"Ia berbeza dengan B40 iaitu golongan berpendapatan RM3,860 ke bawah, peluang menyimpan terhad kerana pendapatan digunakan untuk membeli barang keperluan.

"Namun, saya berpendapat, jumlah pendapatan bukanlah ukuran sebaliknya, sikap ingin menabung itu adalah lebih utama," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Mohd. Azlan memaklumkan, minat menabung perlu lebih mudah dipupuk ketika kecil berbanding dewasa.

Jelasnya, kanak-kanak yang suka menyimpan wang akan meneruskan tabiat tersebut apabila mereka dewasa kelak.

"Saya dapati masyarakat kita sukar menabung bukan disebabkan jumlah pendapatan mereka. Sebaliknya, ia disebabkan sikap mereka.

"Kesedaran masyarakat untuk menyimpan wang dan kepentingannya pada masa depan masih rendah," katanya.